



SOALAN LAZIM (FAQ)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 BERTARIKH 1 HINGGA 14 JUN 2021
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

FAQ ini adalah terpakai untuk **Sektor Ekonomi** yang merangkumi Kementerian yang tersenarai di bawah semasa **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0** bagi tempoh **1 hingga 14 Jun 2021**.

- i. **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**
- ii. **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**
- iii. **Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)**
- iv. **Kementerian Kerja Raya (KKR)**
- v. **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**
- vi. **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Pelancongan, Seni, Budaya (MOTAC)**
- vii. **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
- viii. **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**
- ix. **Lain-lain Kementerian atau Agensi yang memohon akses CIMS 3.0 yang akan dimaklumkan, jika terdapat keperluan.**

BAHAGIAN 1: SOALAN UMUM MENGENAI OPERASI AKTIVITI SEKTOR EKONOMI

1. **Adakah semua syarikat dalam Sektor Ekonomi boleh beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0?**

Hanya syarikat yang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0, **1 hingga 14 Jun 2021**. **Senarai perkhidmatan perlu** tersebut boleh dirujuk di **Lampiran I**.

2. **Perluakah saya memohon kebenaran untuk beroperasi daripada MITI melalui sistem pangkalan data CIMS sepanjang PKP 3.0?**

Syarikat di bawah Sektor Ekonomi **wajib** memohon surat kelulusan MITI melalui sistem COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) 3.0 melalui pautan <https://notification.miti.gov.my>. Bagi syarikat sudah tersedia berdaftar di CIMS,

syarikat hanya perlu memuat turun surat kelulusan daripada CIMS. Bagi pendaftaran baru, syarikat boleh mendapatkan maklumat di laman web MITI.

3. Bolehkah syarikat saya beroperasi 24 jam?

- (i) Syarikat dalam **Sektor Pembuatan** boleh beroperasi seperti biasa termasuk syarikat yang mempunyai penggiliran pengoperasian 24 jam **mengikut SOP yang telah ditetapkan**. SOP bagi sektor pembuatan boleh dimuat turun dari laman sesawang MITI di www.miti.gov.my.
- (ii) Syarikat selain daripada Sektor Pembuatan dibenarkan beroperasi mengikut SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN.

4. Bolehkah saya menghantar barangan ke lokasi di kawasan PKP 3.0 menggunakan kenderaan perdagangan?

Boleh. Kenderaan perdagangan yang membawa barangan dan perkhidmatan dibenarkan bergerak/beroperasi menggunakan pas pekerja atau surat pengesahan majikan serta membawa bersama surat kebenaran beroperasi daripada Kementerian Pengangkutan.

5. Adakah terdapat sekatan kapasiti bagi bilangan pekerja yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa dan mengedarkan barangan?

Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa barangan serta rangkaian aktiviti ekonomi atau industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan. Untuk maklumat lanjut rujuk kepada Kementerian Pengangkutan.

6. Adakah terdapat sekatan kapasiti kenderaan bagi pekerja yang menggunakan kenderaan pekerja (van dan bas pekerja)?

Kapasiti penumpang bagi kenderaan pekerja adalah 50%.

7. Apakah kapasiti kehadiran pekerja bagi Sektor Ekonomi?

Kerajaan telah menetapkan **kapasiti kehadiran pekerja sebanyak 60%** bagi tempoh 24 jam dan 40% lagi perlu melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR).

Maklumat perhubungan bagi Kementerian dan Agensi berkaitan boleh diperolehi melalui pautan berikut <https://www.miti.gov.my/redirect/pkp/enquiry.html> .

8. Adakah pekerja dibenarkan untuk rentas daerah/negeri untuk tujuan kerja/perniagaan?

Ya, dibenarkan. Pekerja **WAJIB** membawa pas pekerja atau surat kebenaran majikan serta membawa bersama surat CIMS 3.0 MITI.

Bagi memudahkan urusan pergerakan pekerja dan memastikan pergerakan tersebut adalah sah terutamanya yang melibatkan pergerakan merentas daerah/negeri, MITI menasihatkan supaya majikan mengeluarkan surat arahan bekerja mengikut templat seperti di **Lampiran II**.

Adalah diingatkan bahawa **penyalahgunaan surat CIMS 3.0 MITI adalah satu kesalahan undang-undang**. Surat CIMS 3.0 MITI mempunyai kod QR yang boleh diimbaz pihak PDRM bagi mengesahkan kesahihan surat.

9. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya syarikat dalam Sektor Ekonomi tidak mematuhi SOP?

Bagi sektor pembuatan, aduan boleh diemel kepada covid19aduan@miti.gov.my

Bagi sektor yang lain, email aduan boleh dipanjangkan kepada Kementerian dan Agensi kawal selia yang berkenaan. Maklumat berkenaan Kementerian dan Agensi berkaitan boleh diperolehi melalui pautan berikut <https://www.miti.gov.my/redir/pkp/enquiry.html>.

10. Sekiranya terdapat kes positif di tempat kerja, apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan **WAJIB** melaporkan kes positif serta kontak rapat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran selaras dengan SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN.

Majikan perlu melaksanakan langkah kawalan mengikut tatacara yang digariskan dalam SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN. Perlu diingat keperluan penutupan premis adalah menikut penilaian risiko oleh pihak PKD.

11. Bolehkah syarikat memohon pengesahan Perakuan Tempasal (Certificate of Origin - COO) di Kaunter, sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP 3.0?

Boleh, pengendorsan COO bagi MITI HQ boleh dilakukan di Kaunter Aras 2, MITI melalui temu janji sahaja. Kaunter dibuka dari jam 9.00 pagi sehingga 1 petang.

Manakala bagi pengendorsan COO di Pejabat MITI Wilayah, pihak syarikat diminta merujuk kepada tatacara berkaitan yang diamalkan oleh Pejabat MITI Wilayah.

Tuan/puan boleh hubungi Pejabat MITI Wilayah untuk maklumat lanjut:

BIL.	MAKLUMAT	NO. UNTUK DIHUBUNGI
1	Ms. Rafeah Khafidah Kamarudin Pengarah MITI Wilayah Johor	Tel :607-223 5639 Fax :607-224 9631 Emel:rafeahk@miti.gov.my
2	Ms. Azyyati Ibrahim Pengarah MITI Wilayah Kelantan	Tel :609-748 3457 Fax :609-744 4167 Emel :azyyati@miti.gov.my
3	Mr. Lee Meng Tat Pengarah MITI Wilayah Pahang	Tel :609-513 0851 Fax :609-513 0873 Emel:leemt@miti.gov.my
4	Ms. Rosazliza Azman Pengarah MITI Wilayah Perak	Tel :605-5271990 Fax :605-5272043 Emel :rosazliza@miti.gov.my
5	Mr. Jegan Subramaniam Pengarah MITI Wilayah Penang	Tel :604-262 5133 Fax :604-262 5131 Emel :jegan@miti.gov.my
6	Mr. Mohd Hijri Mat Rani Pengarah MITI Wilayah Sabah	Tel :6088-236 758 Fax :6088-235 645 Emel : hijri@miti.gov.my
7	Mr. Griffith Jones Goba Pengarah MITI Wilayah Sarawak	Tel :6082-257 164 Fax :6082-417 835 Emel :griffith.goba@miti.gov.my
8	Ms. Nurfadhilah Syamimi Kaunter MITI Melaka	Tel :606-253 0069 Fax :606-232 7519 Emel :nurfadhilah@miti.gov.my

12. Adakah permohonan keluar dan masuk dari Malaysia melalui Jawatankuasa OneStop Centre (OSC) masih diteruskan seperti biasa?

Ya. Permohonan keluar dan masuk dari Malaysia untuk pelawat perniagaan jangka pendek melalui Jawatankuasa OSC untuk tujuan rasmi masih diteruskan dalam tempoh PKP 3.0 **setelah mendapat kebenaran PDRM.**

Syarikat juga adalah dinasihatkan untuk menyemak di Portal Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan larangan kemasukan warganegara dari beberapa negara yang berisiko tinggi dari semasa ke semasa.

13. Apakah yang dimaksudkan mod siap siaga (warm idle)?

Dalam mod siap siaga (warm idle), hanya syarikat di bawah sektor pembuatan yang tersenarai dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (*essential services*) dibenarkan beroperasi dengan bilangan pekerja 10% (bagi tempoh 24 jam). Ini bertujuan untuk memastikan mesin dan peralatan pembuatan berada dalam keadaan *idle/standby* untuk mengelakkan kerosakan. Tiada aktiviti pembuatan/pengeluaran dibenarkan bagi syarikat yang mendapat kelulusan mod siap siaga.

BAHAGIAN 2: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan amalan BDR?

Amalan BDR merujuk kepada pelaksanaan tugas pejabat di rumah masing-masing mengikut tatacara/garis panduan yang ditetapkan oleh majikan mengikut keperluan syarikat masing-masing.

2. Apakah kapasiti kehadiran kakitangan syarikat yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0?

Kapasiti kehadiran syarikat yang dibenarkan beroperasi	Siap Siaga
60% pekerja	10% pekerja

3. Adakah amalan BDR wajib bagi semua pekerja Sektor Ekonomi?

Amalan BDR adalah wajib bagi 40% kakitangan syarikat (melibatkan keseluruhan warga kerja). Pihak majikan wajib melaksanakan amalan BDR yang melibatkan keseluruhan warga syarikat termasuk golongan pengurusan dan bukan pengurusan.

Kehadiran pekerja secara fizikal di tempat kerja/premis **dihadkan** kepada **60% daripada jumlah bilangan pekerja syarikat** tersebut dalam tempoh **24 jam (24-hour basis)**.

Kehadiran pekerja sebanyak 60% tersebut merangkumi kakitangan pejabat serta kakitangan operasi dan sokongan (*contract for service*) mengikut kesesuaian yang ditentukan oleh majikan atau pemilik syarikat.

Syarikat juga boleh melakukan **penggiliran kerja dengan syarat tidak melebihi 60% kapasiti pekerja**.

Antara **contoh-contoh senario semasa PKP 3.0** bagi kapasiti kehadiran adalah seperti berikut:

SENARIO	KEADAAN BIASA			SEMASA PKP		
	Pagi	Tengah Hari	Malam	Pagi	Tengah Hari	Malam
Senario 1	400	400	400	240	240	240
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 2	300	600	300	180	360	180
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 3	600	600	0	360	360	0
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		
Senario 4	600	600	0	720 (1 waktu)		
Jumlah	1,200 (100%)			720 (60%)		

4. **Apakah tindakan yang majikan perlu ambil sekiranya pekerja tidak mahu datang bekerja dan mahu BDR?**

Majikan disarankan untuk berbincang dengan pekerja untuk mencapai kata sepakat. Sebaiknya majikan beri keyakinan bahawa persekitaran tempat kerja adalah selamat. Jika perbincangan sudah dijalankan dan pekerja masih mahu BDR maka majikan boleh mengambil tindakan mengikut budi bicara dan tatacara syarikat berdasarkan dasar Kerajaan dan Akta yang berkaitan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila **rujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia**.

5. Adakah pekerja yang perlu ke pejabat perlu menjalani ujian saringan COVID-19?

Tidak perlu jika tidak bergejala. Namun, syarikat disaran untuk menjalankan ujian saringan tersebut untuk pekerja dari semasa ke semasa untuk memastikan pengesanan awal kes sekiranya ada. Sila rujuk SOP Am PKP 3.0 melalui laman sesawang www.mkn.gov.my untuk maklumat lanjut.

6. Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh pekerja Sektor Ekonomi sebagai pengesahan kebenaran bertugas?

Pekerja syarikat Sektor Ekonomi adalah wajib membawa bersama sesalinan surat pengesahan pendaftaran CIMS yang terkini dan pas pekerja ATAU surat pengesahan majikan bagi tujuan pergerakan antara kediaman dan tempat kerja.

Panduan Memuat Turun Surat Kebenaran MITI di CIMS 3.0

Log masuk ke <https://notification.miti.gov.my>

- 1 Klik "Borang Notifikasi"
- 2 Klik "Notifikasi Beroperasi"
- 3 Klik "Papar"
- 4 Klik "Cetak Surat"

The screenshot shows the user interface of the CIMS 3.0 notification system. It includes a dashboard with a sidebar menu containing 'Dashboard', 'Profil Pemohon', 'Borang Notifikasi', 'Laporan Harian Pematuhan SOP', and 'Notifikasi Beroperasi'. The 'Notifikasi Beroperasi' section is highlighted with a red box and a yellow arrow. Below this, there are buttons for 'Status', 'Kemaskini Pekerja', and 'Tindakan'. The 'Kemaskini Pekerja' button is highlighted with a red box and a yellow arrow, and the 'Papar' button is also highlighted with a red box and a yellow arrow. At the bottom, there is a section for 'Surat Pengesahan / Confirmation Letter' with a 'Cetak Surat / Print Letter' button highlighted with a red box and a yellow arrow.

7. Adakah sebarang jenis penguatkuasaan akan dijalankan untuk memastikan arahan bekerja dari rumah dipatuhi?

Ya. Penguatkuasaan tanpa notis akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan arahan bekerja dari rumah dipatuhi oleh pihak syarikat.

8. Adakah terdapat sebarang tindakan yang akan dikenakan bagi syarikat yang tidak mematuhi arahan BDR semasa serta pelanggaran SOP?

Syarikat atau premis yang tidak mematuhi arahan BDR yang terkini serta pelanggaran SOP akan diarahkan **tutup serta merta** selama **tujuh (7) hari** dan **dikompaun maksimum RM50,000.00**.

BAHAGIAN 3: PENDAFTARAN DI COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS) 3.0

1. Bagaimana saya boleh membuat pendaftaran di CIMS?

Anda boleh ke pautan <https://notification.miti.gov.my> untuk membuat pendaftaran dan ikut arahan dari laman ke laman. Jangan letak 'www' di URL pendaftaran ini. Untuk tutorial pendaftaran anda boleh menggunakan pautan ini: <https://www.youtube.com/watch?v=CGwClak7xs8&t=212s>.

2. Syarikat saya sudah berdaftar di bawah COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) dan telah diberikan surat kebenaran beroperasi pada PKP fasa terdahulu. Perlukah saya mendaftar sekali lagi?

- (i) Jika syarikat anda adalah termasuk di dalam senarai Sektor Ekonomi yang berkaitan yang boleh beroperasi, syarikat boleh **memuat turun dan mencetak surat pengesahan pendaftaran terkini** melalui sistem CIMS dengan menggunakan log masuk dan kata laluan yang sama.
- (ii) Namun demikian, jika syarikat pernah berdaftar di dalam CIMS tetapi **tidak tersenarai di dalam senarai sektor yang dibenarkan beroperasi bagi tempoh 1 hingga 14 Jun 2021**, syarikat **TIDAK BOLEH** memuat turun surat baharu.

Surat Pengesahan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh MITI terdahulu, akan tamat sah laku pada jam 11.59 malam 31 Mei 2021.

3. Perlukah saya mengemaskini senarai pekerja yang pernah diisytiharkan sebelum ini di dalam CIMS?

Perlu. Syarikat perlu mengemaskini sekiranya terdapat perubahan senarai pekerja melalui CIMS menggunakan template yang disediakan dalam sistem CIMS.

4. Saya menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya anda menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS, mohon emel kepada cims@marii.my.

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pelaksanaan PKP bagi Sektor Ekonomi boleh diajukan kepada:

Hotline : 03-6208 4949

Emel : covid19hotline@miti.gov.my

(pertanyaan am)

covid19aduan@miti.gov.my

(aduan ketidakpatuhan SOP)

cims@marii.my

(isu teknikal CIMS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

1 JUN 2021

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG
PKP 3.0 BERMULA DARI 1 – 14 JUN 2021**

A. Senarai Perkhidmatan Perlu bagi sektor ekonomi dan sosial yang dibenarkan beroperasi adalah seperti berikut:

1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar
3. Air
4. Tenaga
5. Keselamatan (*security and safety*), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedungan
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja)
10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal
11. Kredit komuniti (pajak gadai dan Ar-rahnu)
12. E-dagang dan teknologi maklumat
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir
14. Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan)
15. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
16. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar
17. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu

B. Sektor Pembuatan yang dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu adalah seperti berikut:

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* – MRO)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan
4. Barang-barang penjagaan diri, dan bahan pencuci
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet
6. Peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan Elektronik
9. Minyak dan gas (Oil and Gas) termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Produk kimia
11. Mesin dan peralatan
12. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

Siap siaga (warm idle) (10% pekerja):

1. Automotif (kenderaan dan komponen)
2. Besi dan Keluli
3. Simen
4. Gelas
5. Seramik

C. Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi

1. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya (contohnya kedai yang menjual baja dan racun/kilang memproses buah sawit adalah dibenarkan untuk beroperasi)
2. Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada dan koko)

D. Pembinaan

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama
3. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ).

E. Perdagangan Pengeedaran

1. Kompleks membeli-belah DITUTUP kecuali hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan *departmental store* yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, mini mart dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah.
2. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, mini mart dan kedai runcit serta departmental store dibuka TERHAD kepada seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja,
3. Restoran, gerai-gerai serta outlet makanan
4. Dobi (termasuk layan diri)
5. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan
6. Kedai cermin mata dan barang optik
7. Kedai hardware
8. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti
9. E-dagang (semua kategori produk)
10. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja)

-LETTERHEAD SYARIKAT-

Rujukan:
Tarikh :

Nama : xxxx
No. K/P : xxxx
Jawatan : xxxx
Alamat : xxxx

KEPADA YANG BERKENAAN,

Tuan/Puan,

SURAT PENGESAHAN MAJIKAN UNTUK BERTUGAS SEMASA TEMPOH PKP 3.0

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, Syarikat adalah dibenarkan beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Perkhidmatan (PKP) yang bermula dari hingga

3. Sehubungan dengan itu, **pembawa surat ini seperti butiran diatas adalah pekerja kepada Syarikat dan akan akan bergerak dari alamat kediaman beliau seperti diatas ke pejabat / kawasan sekitar seperti yang dinyatakan di Lampiran (nyatakan alamat yang akan dikunjungi oleh pekerja di lampiran) sepanjang tempoh PKP ini.**

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan bolehlah berhubung dengan pegawai syarikat (NAMA), NO H/P: Pembawa surat ini dan Syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati pembawa surat ini menyalahgunakan surat bagi tujuan peribadi. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

(NAMA MAJIKAN)